

11 MAY 2000

Mahathir-Umno (PAS)

PAS SANGGUP BUAT APA SAHAJA UNTUK PERINTAH NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- PAS sanggup membuat apa sahaja untuk mencapai matlamatnya memerintah negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata bahawa dalam pilihan raya umum November lepas, umpamanya, PAS memperalatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Parti Keadilan dan DAP untuk meraih undi.

Jika PAS perlu memeluk musuh ketat mereka iaitu DAP, jika ahli PAS perlu berkempen untuk DAP, perlu menjunjung roket (simbol DAP) sambil berteriak 'Allahu Akbar', PAS sanggup buat, katanya.

"Sudah tentu membuat dakwaan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti Allah mencarut, PAS adalah Islam dan Islam adalah PAS dan lain-lain, adalah perkara kecil bagi PAS. Yang besar ialah kemenangan dalam pilihan raya," katanya dalam ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perhimpunan itu merupakan yang pertama bagi Umno selepas pilihan raya umum tahun lepas dan dilihat sebagai forum bagi parti tulang belakang Barisan Nasional itu menilai prestasi dan seterusnya merencanakan program masa depan.

Walaupun ada yang terpengaruh dengan dakwah PAS, tetapi sehingga kini PAS tidak mendapat sokongan yang mencukupi untuk memerintah negara ini.

"Benar, PAS berjaya menawan Kelantan dan juga Terengganu, tetapi negeri bukan negara, kerajaan negeri bukan kerajaan negara," katanya pada majlis perasmian itu yang turut dihadiri oleh pemimpin parti-parti komponen BN.

Selain bersekongkol dengan DAP, Perdana Menteri berkata PAS telah mengeksploitasi isu membabitkan Anwar yang kini menjalani hukuman penjara enam tahun kerana menyalahgunakan kuasa.

"Nasib buruk Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah satu nikmat bagi PAS," katanya.

Walaupun pemimpin-pemimpin PAS tahu lebih awal lagitentang moral Anwar, dan kerana itu mereka biasa menyindirnya semasa beliau menjadi pemimpin UMNO, tetapi apabila beliau disingkirkan dari kerajaan kerana sebab yang sama, PAS menutup sebelah mata dan berpura-pura mempertahankannya, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata PAS mendakwa kononnya penyingkiran dan dakwaan terhadap Anwar adalah satu kezaliman, dan dengan serta merta ia menyertai gabungan yang dianjurkan oleh Parti Keadilan yang dianggotai penyokong Anwar.

Katanya, PAS sanggup bersekongkol dengan mereka yang mencerca dan menentang matlamat PAS yang kononnya mahu mendirikan negara Islam.

"Menerima wanita sebagai pemimpin Barisan Pembangkang juga sanggup dibuat oleh PAS," katanya yang jelas merujuk kepada Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri Anwar yang menjadi Presiden Parti Keadilan.

Gabungan parti-parti pembangkang terdiri Keadilan, PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia telah bergabung sebagai Barisan Alternatif untuk menentang BN pada pilihan raya umum lepas.

Katanya gambar mata lebam Datuk Seri Anwar dipamerkan oleh PAS semasa pilihan raya umum yang lepas untuk menunjukkan betapa zalimnya kerajaan.

Dr Mahathir berkata walaupun mereka tahu yang mata lebam itu bukan kerana kerajaan menyuruh agar Anwar dipukul, tetapi PAS menyalahkan kerajaan juga.

"PAS tidak bersimpati dengan Datuk Seri Anwar kerana mata lebamnya, kerana beliau telah didapati bersalah dan dipenjarakan. Yang PAS lihat hanyalah peluang untuk mengeksploitasi nasib Datuk Seri Anwar bagi memancing undi," katanya.

Dr Mahathir berkata PAS tidak mungkin akan menerima Anwar sebagai Perdana Menteri melainkan Parti Keadilan mendapat lebih banyak kerusi

daripada PAS dan DAP.

Bagaimanapun, katanya, bagaimana mungkin Keadilan menang lebih daripada PAS sedangkan dalam pakatan pembangkang semasa pilihan raya itu PAS menentukan bahawa Keadilan mendapat kawasan yang sukar dimenangi.

"Jika Datuk Seri Anwar dan penyokongnya percaya PAS akan memilih beliau menjadi Perdana Menteri apabila mereka menang, mereka sebenarnya mengigau di siang hari," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan anggota-anggota parti mengenai usaha beberapa pihak tertentu memberi galakan dan sokongan kepada parti serpihan supaya menentang parti tunjang majoriti orang Islam.

"Walaupun kita tahu media Barat dan pihak-pihak tertentu begitu benci kepada orang Islam yang digambarkan oleh mereka sebagai pengganas, tetapi mereka cuba membayangkan PAS sebagai parti sederhana yang perlu disokong oleh bukan Islam untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Umno.

"Ternampak seolah-olah mereka ingin melihat PAS mendirikan negara Islam di Malaysia. Apakah benar mereka suka negara Islam?" katanya.

Dr Mahathir berkata kemungkinan juga pihak berkenaan berusaha untuk menentukan sokongan kepada Umno merosot sehingga kerajaan, yang didokong oleh Umno, menjadi lemah dan tidak lagi dapat menegur negara Barat dan alat-alat mereka apabila mereka melakukan ketidakadilan kepada negara-negara membangun.

"Hari ini hanya Malaysia sahaja yang sanggup mengkritik Barat. Tentulah mereka merasa lega apabila Umno sibuk dan bergelut dengan PAS sehingga lupa terhadap penganiayaan ke atas umat Islam di Bosnia, Kosovo, Sudan, Iraq, Iran dan lain-lain," katanya.

-- BERNAMA

azz mai